



JUHAR menyampaikan PhD Kehormat kepada Hamid (kiri) sambil diperhatikan oleh Dr. Yeoh (kanan, berdiri) dan yang lain.



## Amanat Yang Dipertua Negeri kepada 4,000 graduan UMS

HE 24.11.2013 1  
Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU: Lebih 4,000 graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dinasihati mengubah cara 'skrip hidup' lama mereka kepada yang baru dalam memperolehi kemahiran dan pengetahuan baru dan terbaru.

Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin berkata 'skrip hidup' baru itu termasuk belajar untuk meningkatkan kemahiran antara perorangan mereka, kemahiran komunikasi serta personaliti untuk menyediakan diri mereka untuk dunia pekerjaan sebenar.

Beliau berkata, tidak terlalu lewat untuk belajar sesuatu yang baru kerana terdapat pusat teknologi maklumat (ICT) di mana sumber pengetahuan hanya berada di hujung jari. "Cabaran untuk graduan adalah untuk membuang sikap puas hati dan tidak terlalu yakin.

"Satu aspek penting yang mesti diberi perhatian khusus oleh graduan adalah kemahiran insaniah mereka yang saya percaya adalah antara isu utama yang mesti diperolehi di mana-mana universiti tempatan sama, ada secara langsung atau

tidak," katanya.

Juhar berkata demikian dalam ucapamannya pada Konvokesyen ke-15 UMS yang diadakan di Dewan Canselor pada Sabtu.

Beliau juga menyampaikan ijazah PhD Kehormat (Pengerusan) kepada bekas dan Pengerusi pertama Lembaga Pengarah UMS Tan Sri Abdul Hamid Egoh, memberi Anugerah Profesor Emeritus kepada Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dalam bidang Fizik dari Sekolah Sains dan Teknologi, dan Profesor Dr Sabihah Osman dalam bidang Sejarah dari Sekolah Sains Sosial.

Seramai 4,533 graduan menerima skrol ijazah, ijazah sarjana dan PhD mereka dalam konvokesyen selama tiga hari itu bermula Sabtu sehingga 25 November.

Daripada 4,533 graduan, seramai 3,604 adalah graduan ijazah termasuk mereka yang menamatkan diploma mereka, dan selebihnya adalah pemegang PhD dalam berbagai bidang. Hadir sama adalah Pro Canselor UMS Tan Sri Dr Yeoh Tiong Lay, pengerusi baru Lembaga

Pengarah UMS Tun Zaki Azmi dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Juhar berkata Indeks Prestasi Utama (KPI) Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) adalah untuk melahirkan modal insan dan graduan yang boleh dipasarkan untuk memenuhi tenaga kerja.

Beliau berkata mereka mesti dapat menyediakan diri mereka untuk menghadapi persaingan mendapatkan pekerjaan serta memasarkan bidang kegemaran mereka di samping kemahiran insaniah.

Beliau berkata majikan bukan saja mencari pencari kerja yang mempunyai kelayakan akademik tetapi menguasai berbagai kemahiran serta personaliti baik termasuk mempunyai kemahiran komunikasi, semangat berpasukan, disiplin, mampu berfikir cepat dan menyelesaikan masalah kerja.

Juhar juga menasihati mahasiswa untuk berusaha memperolehi kemahiran tambahan di kampus sebagai aset tambahan bagi mereka apabila menghadapi cabaran sebenar dalam mencari pekerjaan.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata universiti tidak mempunyai kuasa ajaib untuk mengubah mahasiswa mereka yang boleh memenuhi keperluan industri dalam tempoh tiga tahun.

"Malah Universiti Harvard dan Oxford kekal relevan sebagai universiti terkemuka dalam melahirkan graduan berkualiti tanpa bimbang mengenai keperluan industri untuk tenaga kerja tertentu.

"Sebabnya adalah kedua-dua universiti ini mempunyai kepercayaan dan keyakinan kuat dalam pendidikan pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Bagaimanapun, peringkat pendidikan tinggi berbeza daripada pendidikan sekolah tinggi," katanya dalam ucapannya pada acara itu.

Dr Mohd Harun berkata pendidikan tinggi adalah satu platform untuk memupuk perwatakan dan personaliti lebih baik dalam pelajar agar matang dalam pemikiran mereka, cekap berkomunikasi, memiliki pelbagai kemahiran hidup dan peka kepada isu semasa serta maklumat.